



## STATISTIK BENCANA SEMASA DI MALAYSIA

5  
NEGERI

11  
DAERAH

12  
KEJADIAN BENCANA

817  
KELUARGA

3,091  
MANGSA

28  
PPS AKTIF

13  
KEMATIAN

\* Data sehingga jam 12.00 tengah hari


PPS: Pusat Pemindahan Sementara

BANJIR 9

KEBAKARAN BERSKALA BESAR 2

TANAH RUNTUH 1


PERAK	
Daerah	: 1
Kekerapan	: 1
PPS	: 4
Keluarga	: 63
Mangsa	: 282
Kematian	: 0



NEGERI SEMBILAN	
Daerah	: 1
Kekerapan	: 1
PPS	: 1
Keluarga	: 20
Mangsa	: 74
Kematian	: 0

SARAWAK	
Daerah	: 2
Kekerapan	: 2
PPS	: 2
Keluarga	: 36
Mangsa	: 103
Kematian	: 0

SABAH	
Daerah	: 6
Kekerapan	: 7
PPS Aktif	: 20
Keluarga	: 668
Mangsa	: 2,533
Kematian	: 13





## PERINCIAN MENGIKUT DAERAH DI SABAH

BENCANA	DAERAH	JUMLAH PPS	KELUARGA	MANGSA	TREND
Banjir	Penampang	8	224	910	Meningkat
	Membakut	4	172	611	Tidak Berubah
	Putatan	3	113	456	Meningkat
	Beaufort	1	83	273	Meningkat
	Papar	2	60	202	Meningkat
	JUMLAH	18	652	2,452	Meningkat
Kebakaran Berskala Besar	Tawau	1	11	59	Tidak Berubah
	JUMLAH	1	11	59	Tidak Berubah
Tanah Runtuh	Papar	1	5	21	Baharu
	JUMLAH	1	5	22	Baharu
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>20</b>	<b>668</b>	<b>2,533</b>	<b>Meningkat</b>

\* Trend: Perbandingan dengan data jam 6.00 pagi



## SITUASI TERKINI

- Susulan kejadian banjir dan kebakaran di Sabah, sebanyak enam daerah telah diisyiharkan sebagai kawasan bencana oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) iaitu:

Bil.	Tarikh Isytihar	Daerah	Jenis Bencana
1	09/09/2025	Beaufort	Banjir
2	11/09/2025	Penampang	Banjir & Tanah Runtuh
3	12/09/2025	Tawau	Kebakaran
4	15/09/2025	Papar	Banjir & Tanah Runtuh
5	15/09/2025	Membakut	Banjir
6	15/09/2025	Putatan	Banjir

- Sehingga **16 September 2025, jam 12.00 tengah hari**, terdapat **enam daerah** di **Sabah** dilanda bencana banjir, kebakaran berskala besar dan tanah runtuh dengan **peningkatan** jumlah mangsa kepada **2,533 dalam tempoh 24 jam** (berbanding **428 mangsa** pada **15 September 2025**). Ia melibatkan **668 keluarga** yang ditempatkan di **20 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka juga **meningkat** berbanding **empat PPS** pada **15 September 2025**.
- Tiga daerah yang paling teruk terjejas** adalah **Penampang (910 mangsa)**, **Membakut (611 mangsa)** dan **Putatan (456 mangsa)**.
- Berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM), **13 kematian** telah direkodkan di Sabah setakat ini **akibat kejadian tanah runtuh**, iaitu tujuh di Kota Kinabalu (15 September 2025), lima di Papar (15 September 2025) dan satu di Penampang (12 September 2025).
- Tiga stesen meteorologi** yang mencatatkan **jumlah hujan harian tertinggi** pada **15 September 2025** adalah **Beaufort, Sabah (127.4 mm)**; **Kota Kinabalu, Sabah (122.8 mm)** dan **Sandakan, Sabah (49.4 mm)**. **Jumlah hujan harian tertinggi di Sabah pada 15 September 2025** daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) adalah seperti di **Lampiran 1**.

- Situasi cuaca semasa melalui imej radar MET Malaysia mendapati bahawa **cuaca adalah baik di Sabah** setakat ini. **Taburan hujan terkumpul pada 16 September 2025** dari jam 12.00 tengah malam sehingga 12.00 tengah hari adalah seperti di **Lampiran 2**.
- Sehingga **16 September 2025, jam 10.00 pagi**, **Sungai Moyog di Penampang, Sabah Status** berada pada **aras amaran**, manakala **Sungai Padas di Keningau, Sabah** berada pada **aras waspada**. Namun kedua-dua sungai menunjukkan **tren menurun**. **Status aras air semasa di Sabah pada 16 September 2025, jam 10.00 pagi** yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) adalah seperti di **Lampiran 3**.



## RAMALAN CUACA 7 HARI (SEHINGGA 22 SEPTEMBER 2025)

- Musim Monsun Barat Daya (MBD) telah bermula pada 10 Mei 2025 dan negara kini berada di **penghujung musim MBD** berikutan keadaan angin yang bertiup secara konsisten dari arah barat daya ke rantau negara mulai melemah. Keadaan ini telah menggalakkan pembentukan awan konvektif di kebanyakan kawasan sejak kebelakangan ini. Beberapa tempat telah mencatatkan jumlah hujan harian yang banyak, iaitu melebihi 80 mm/hari.
- Secara amnya, rantau negara menerima tiupan angin baratan sepanjang tempoh ramalan. Analisis terhadap model-model ramalan cuaca terkini menunjukkan **penumpuan angin dijangka berlanjutan di timur Sabah sehingga 18 September 2025**. Keadaan ini berpotensi menghasilkan **ribut petir berserta hujan lebat dalam jangka masa yang lebih panjang** di kawasan berkenaan dalam tempoh tersebut.
- Pembentukan garis badai yang membawa ribut petir/hujan lebat berserta angin kencang berpotensi berlaku di barat Semenanjung Malaysia dan barat Sabah serta utara Sarawak pada awal pagi. Manakala, ribut petir/hujan dijangka berlaku di pedalaman & timur Semenanjung Malaysia, timur Sabah dan Sarawak pada sebelah petang dan malam sepanjang tempoh ramalan.

*Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)*



## IMPAK

- Berdasarkan rekod tanah runtuh **Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)** sehingga 16 September 2025, sebanyak lapan cerun kritis dikenal pasti berisiko dilanda banjir iaitu di Country Height Apartment, Kg. Madsiang, Kg. Sugud, Kg. Timpangoh, Kg. Keanapan, Kg. Dimbata dan Bukit Kulinting di Daerah Penampang serta Kg. Limbahau di Daerah Papar. Antara cerun kritis yang telah berlaku tanah runtuh termasuk di Country Height Apartment dan Kg. Madsiang, Penampang. Susulan itu, tindakan penyiasatan telah dijalankan dengan cadangan pengosongan kediaman di Country Height Apartment Penampang, Kg. Sarapung (Penampang) serta Kg. Kopungit (Kota Kinabalu) dan kawasan lain yang berisiko mengalami pergerakan susulan.
- Mengikut laporan **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** pada 16 September 2025, jumlah premis institusi pendidikan yang terjejas banjir ialah 41 premis, iaitu 34 sekolah rendah dan 7 sekolah menengah. Terdapat dua premis institusi Pendidikan yang masih dijadikan PPS iaitu satu sekolah rendah dan satu sekolah menengah.
- Berdasarkan laporan oleh **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** sehingga 16 September 2025 jam 10.00 pagi, sebanyak dua fasiliti kesihatan terjejas akibat banjir iaitu Klinik Desa (KD) Gadong di Daerah Papar dan Klinik Kesihatan (KK) Membakut, dengan operasi KD Gadong dipindahkan ke KK Bongawan manakala KK Membakut masih beroperasi. Pada masa yang sama pasukan kesihatan serta pasukan perubatan sedang digerakkan. Perincian fasiliti kesihatan yang terjejas di Sabah adalah seperti di **Lampiran 4**.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)** melaporkan pada 16 September 2025, secara keseluruhannya sebanyak 492 stesen pemancar komunikasi terjejas di Sabah. Walau bagaimanapun, sebanyak 169 stesen telah pulih dan kembali beroperasi manakala 323 stesen masih terkesan. Perincian jumlah stesen pemancar komunikasi terjejas di Sabah adalah seperti di **Lampiran 5**.

- MCMC terus memperkuuh usaha memastikan mangsa bencana di Sabah kekal terhubung melalui penyediaan kemudahan komunikasi kecemasan MCMC PRIME dan perkhidmatan Internet komuniti Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI). MCMC PRIME, iaitu kenderaan mudah alih dilengkapi sokongan komunikasi, telah digerakkan ke Kampung Cendrakasih dan Penampang bagi membantu pasukan penyelamat serta menyokong kerja-kerja pemulihan infrastruktur oleh Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB). Pada masa yang sama, sebanyak 131 NADI turut diaktifkan untuk menyediakan capaian Internet kepada masyarakat yang terkesan, agar mereka kekal berhubung dengan keluarga dan pihak berkuasa.
- Tiada kes yang dilaporkan oleh pemberi perkhidmatan kepada MCMC mengenai insiden melibatkan infrastruktur komunikasi yang mengancam keselamatan orang ramai. Namun pihak MCMC dan pemberi perkhidmatan senantiasa berwaspada dan menerima aduan dari awam dan mana-mana pihak sekiranya ada kes yang melibatkan ancaman keselamatan infrastruktur komunikasi untuk diambil tindakan selanjutnya.



## LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- NADMA selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) akan sentiasa memastikan semua agensi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di semua peringkat.
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah diaktifkan di negeri-negeri yang dilanda banjir bagi memastikan PPS dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi dan menyelaras semua aktiviti tindak balas melibatkan pelbagai agensi.
- Bagi memastikan keselesaan dan kebajikan mangsa banjir, **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** telah menyediakan beberapa keperluan di PPS meliputi barang asas, makanan kering dan makanan bermasak, selain turut menerima sumbangan daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) dengan semua bekalan disimpan di stor barang keperluan bencana peringkat daerah dan bahagian, manakala tindakan penambahbaikan dilaksanakan melalui pengemaskinian bilangan mangsa serta pengedaran bantuan mengikut keperluan terkini.



- YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan segera sebanyak RM10,000,000.00 melalui NADMA kepada Kerajaan Negeri Sabah. Peruntukan ini bagi tujuan disalurkan kepada mangsa bencana yang terkesan untuk pemberian Bantuan Wang Ihsan (BWI) bernilai RM1,000.00 kepada Ketua Isi Rumah (KIR), BWI Kematian bernilai RM10,000.00 kepada waris mangsa yang meninggal dunia dan pembaikan segera kemudahan asas.
- Bagi tahun 2025, NADMA telah menyalurkan peruntukan bantuanbencana sebanyak RM9,293,000.00 kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi tujuan pemberian BWI dan BWI Kematian. NADMA juga telah menyalurkan peruntukan pengurusan pengoperasian bencana sebanyak RM1,700,000.00 kepada Kerajaan Negeri Sabah. Peruntukan ini adalah bagi tujuan melicinkan pengurusan pengoperasian Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) di peringkat negeri dan daerah.
- Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas di Sabah** yang ditempatkan di negeri-negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 6**.
- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



### MAKLUMAT PERGERAKAN NGO

- Bantuan oleh NGO Rakan NADMA (Sabah Chapter) termasuk Malaysian Relief Agency (MRA) dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) merangkumi kit kebersihan diri, bahan makanan untuk dimasak, air minuman bersih serta pek makanan sedia dimakan (retort) dengan sokongan sumbangan Rakan NADMA Korporat seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang telah digerakkan.
- Fokus utama ketika ini adalah menyelamatkan mangsa serta melaksanakan operasi perpindahan ke PPS, manakala misi bantuan melibatkan NGO luar Sabah dijangka akan dikordinasikan selepas fasa operasi selesai. Laporan awal turut merekodkan seramai 350 sukarelawan telah dimobilisasi di pelbagai daerah terkesan di Sabah bagi melaksanakan pelbagai bentuk bantuan.



### NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA

#### Tips Sewaktu Berlaku Banjir:

##### Sebelum banjir:

- ✓ Kenal pasti kawasan berisiko banjir di sekitar tempat tinggal.
- ✓ Sediakan beg kecemasan berisi dokumen penting, makanan kering, pakaian, ubat-ubatan dan peralatan kecemasan.
- ✓ Simpan nombor penting dan pasukan penyelamat.
- ✓ Pastikan longkang, parit dan saluran air di sekitar rumah sentiasa bersih.
- ✓ Kenal pasti PPS terdekat.

##### Semasa banjir:

- ✓ Patuhi arahan berpindah daripada pihak berkuasa.
- ✓ Putuskan bekalan elektrik dan gas jika rumah mula dinaiki air.
- ✓ Elakkan merentas jalan atau sungai yang dinaiki air deras.
- ✓ Gunakan hanya sumber air bersih dan makanan selamat.
- ✓ Sentiasa bersama ahli keluarga dan pastikan kanak-kanak diawasi.
- ✓ Ikuti perkembangan cuaca dan maklumat rasmi daripada pihak berkuasa.

##### Selepas banjir:

- ✓ Pulang ke rumah hanya selepas pengesahan pihak berkuasa bahawa kawasan selamat.
- ✓ Periksa struktur rumah, terutama dinding, lantai, bumbung dan kabel elektrik.
- ✓ Elakkan menggunakan peralatan elektrik yang terkena air sebelum diperiksa.
- ✓ Bersihkan rumah dengan langkah keselamatan dengan menggunakan sarung tangan, kasut getah, pelitup muka.
- ✓ Buang makanan dan ubat yang terdedah kepada air banjir.
- ✓ Dapatkan rawatan segera jika mengalami simptom penyakit bawaan air.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>.




**Lampiran 1**

## **JUMLAH HUJAN HARIAN TERTINGGI DI SABAH**

**PADA 15 SEPTEMBER 2025**

BIL.	NEGERI	DAERAH	STESEN METEOROLOGI	TOTAL (mm)
1	<b>SABAH</b>	Beaufort	Lumadan Estate, Beaufort	<b>127.4</b>
2	<b>SABAH</b>	Kota Kinabalu	Stesen Meteorologi L.T.A. Kota Kinabalu	<b>122.8</b>
3	<b>SABAH</b>	Beaufort	Ladang Menunuk, Beaufort	<b>66.9</b>
4	<b>SABAH</b>	Sandakan	Pusat Pemulihan Orang Utan, Sepilok, Sandakan	<b>49.4</b>
5	<b>SABAH</b>	Tuaran	Pertanian Tuaran	<b>28.0</b>
6	<b>SABAH</b>	Tawau	Ladang Tiger, Tawau	<b>18.1</b>
7	<b>SABAH</b>	Kota Belud	Pusat Ternakan Wario, Kota Belud	<b>11.3</b>
8	<b>SABAH</b>	Sandakan	Stesen Meteorologi L.T. Sandakan	<b>10.4</b>
9	<b>SABAH</b>	Sandakan	Pertanian Ulu Dusun, Sandakan	<b>9.6</b>
10	<b>SABAH</b>	Papar	Pertanian Kimanis, Papar	<b>5.1</b>






Lampiran 2

## TABURAN HUJAN TERKUMPUL DI SABAH PADA 16 SEPTEMBER 2025

DARI JAM 12.00 TENGAH MALAM HINGGA 12.00 TENGAH HARI





**Lampiran 3**

**STATUS ARAS AIR SEMASA DI SABAH**  
**PADA 16 SEPTEMBER 2025 JAM 10.00 PAGI**

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Air Semasa	Status	Trend
Sg. Moyog di Penampang (RHN)	Sungai Moyog	Penampang	8.00	9.00	10.00	9.37	Amaran	Menurun
Sg. Pegalan di Ansip	Sungai Padas	Keningau	239.5	240.5	241.5	239.75	Waspada	Menurun



**Lampiran 4**

## **MAKLUMAT FASILITI KKM YANG TERJEJAS DI SABAH**

**PADA 16 SEPTEMBER 2025 JAM 10.00 PAGI**

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA FASILITI KESIHATAN YANG TERLIBAT	STATUS OPERASI	PERKHIDMATAN DIPINDAHKAN (TEMPAT)	TARIKH TUTUP	TARIKH BUKA SEMULA	TAHAP SEVERITI	KATEGORI FASILITI
1	Sabah	Papar	KD Gadong	Pindah Operasi	KK Bongawan	15/09/2025	-	5	KD
2	Sabah	Membakut	KK Membakut	Beroperasi	-	-	-	1	KK

*KK: Klinik Kesihatan*

*KD: Klinik Desa*



## **JUMLAH STESEN PEMANCAR KOMUNIKASI TERJEJAS DI SABAH**

### **PADA 16 SEPTEMBER 2025**

Pecahan jumlah stesen pemancar komunikasi yang terjejas mengikut daerah:

Negeri	Daerah	Beroperasi	Tidak Beroperasi	Jumlah
	Beluran	-	29	29
	Kinabatangan	-	40	40
	Telupid	-	3	3
	Lahad Datu	16	75	91
	Beaufort	1	-	1
	Papar	-	1	1
	Sandakan	85	23	108
	Penampang	13	-	13
	Putatan	1	-	1
	Kota Kinabalu	4	3	7
	Tawau	33	118	151
	Semporna	12	25	37
	Kunak	2	5	7
	Tuaran	2	1	3
<b>Jumlah</b>		<b>169</b>	<b>323</b>	<b>492</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>169</b>	<b>323</b>	<b>492</b>

Perbandingan jumlah stesen pemancar komunikasi bagi lima (5) hari:

Negeri/Daerah	12/9/2025 Jumaat	13/9/2025 Sabtu	14/9/2025 Ahad	15/9/2025 Isnin	16/9/2025 Selasa
<b>Sabah</b>	<b>14</b>	<b>14</b>	<b>15</b>	<b>266</b>	<b>492</b>
Beluran	-	-	-	5	29
Kinabatangan	-	-	-	11	40
Telupid	-	-	-	2	3
Lahad Datu	-	-	-	50	91
Beaufort	1	1	1	1	1
Papar	-	-	-	-	1
Sandakan	1	1	1	92	108
Penampang	11	11	11	13	13
Putatan	1	1	1	21	1
Kota Kinabalu	-	-	1	1	7
Tawau	-	-	-	69	151
Semporna	-	-	-	19	37
Kunak	-	-	-	2	7
Tuaran	-	-	-	2	3
<b>Jumlah</b>	<b>14</b>	<b>14</b>	<b>15</b>	<b>266</b>	<b>492</b>



**JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS DI SABAH**  
**PADA 16 SEPTEMBER 2025 JAM 12.00 TENGAH HARI**

NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
SABAH	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	160	<ul style="list-style-type: none"><li>• 4x4/SUV/VAN: 6</li><li>• AMBULANS/EMRS: 3</li><li>• BOT: 2</li><li>• LORI/FRT/LFRT: 3</li></ul>
	ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	35	<ul style="list-style-type: none"><li>• 4x4/SUV/VAN: 1</li><li>• LORI/FRT/LFRT: 3</li></ul>
	POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	366	<ul style="list-style-type: none"><li>• 4x4/SUV/VAN: 21</li><li>• BOT: 8</li><li>• LORI/FRT/LFRT: 7</li></ul>
	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	55	<ul style="list-style-type: none"><li>• 4x4/SUV/VAN: 10</li><li>• BOT: 5</li><li>• LORI/FRT/LFRT: 9</li></ul>
	JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	36	-

*Catatan : Untuk daerah-daerah yang terlibat dengan bencana sahaja*